

## 16 bot ditenggelamkan sepanjang tahun ini

S4 04/04/08 Pg. N2.

**KUALA TERENGGANU** - Sebanyak enam buah bot milik neelayan asing yang ditahan telah dilelong pada bulan lalu, kata Ketua Penguat Kuasa Maritim Malaysia (APMM) Kuala Terengganu, Komander Maritim Syed Fuzi Syed Hassan.

Menurut Syed Fuzi, semua bot melebihi berat 70 tan yang digunakan di laut dalam tersebut dilelong kepada masyarakat awam terutama nelayan tempatan oleh sebuah syarikat yang dilantik khas untuk menyelesaikan urusan lelongan.

"Lelongan itu dibuat untuk kapal yang ditahan pada tahun ini, pada kebiasaananya bot yang kurang daripada 70 tan dilupuskan dengan cara menenggelamkannya di pulau agar menjadi tukun," ujar-

nya kepada Sinar Harian, di sini semalam.

Beliau berkata, sepanjang tahun ini sebanyak 16 buat bot telah ditenggelamkan di Pulau Bidong dan setelah menjadi tukun ia turut digunakan oleh Universiti Malaysia Terengganu (UMT) untuk kajian batu karang.

Selain itu kata Syed Fuzi, pihaknya kini sedang membuat perancangan rapi untuk memindahkan pusat tahanan kapal di jeti APMM Pulau Kambing ke APMM Kemaman dalam tempoh terdekat.

"Langkah ini diambil bagi mengelak timbulnya pandangan tidak elok di jeti itu apabila kapal yang ditahan ditempatkan di sana untuk tempoh masa tertentu," katanya.



*"Lelongan itu dibuat untuk kapal yang ditahan pada tahun ini, pada kebiasaananya bot yang kurang daripada 70 tan dilupuskan dengan cara menenggelamkannya di pulau agar menjadi tukun."*

**Syed Fuzi Syed Hassan**